



**KEMENTERIAN PENDIDIKAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**



**KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

SIARAN MEDIA

**PERMULAAN SESI PENGGAL PERSEKOLAHAN KETIGA SERTA
PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN SECARA DALAM TALIAN (*ONLINE*), MAKLUMAT
MENGENAI PEPERIKSAAN PENILAIAN SEKOLAH RENDAH (PSR), PEPERIKSAAN
*BRUNEI CAMBRIDGE INTERNATIONAL GENERAL CERTIFICATE OF SECONDARY
EDUCATION (IGCSE)*, *BRUNEI CAMBRIDGE GENERAL CERTIFICATE OF EDUCATION
(BC GCE) 'O', 'AS' DAN 'A' LEVEL* SERTA MAJLIS SAMBUTAN HARI GURU DAN
MAJLIS-MAJLIS KONVOKESYEN TAHUN 2021**

Kementerian Pendidikan, Berakas / Selasa, 17 Ogos 2021 - Dengan nasihat dan kerjasama Kementerian Kesihatan dalam mengekang penularan wabak COVID-19 di Negara Brunei Darussalam, Kementerian Pendidikan turut memberi perhatian berat kepada kesejahteraan dan keselamatan warga pendidikan khususnya komuniti sekolah dengan perhatian kepada hal-ehwal pengajaran dan pembelajaran serta dalam menghadapi musim-musim peperiksaan.

Kementerian Pendidikan dengan ini memaklumkan bahawa Sesi Penggal Persekolahan Ke-3 **akan bermula pada hari Rabu, 18 Ogos 2021**. Sehubungan ini, pengajaran dan pembelajaran akan dilaksanakan **SECARA DALAM TALIAN (*ONLINE*) sehingga pada satu tarikh yang akan dimaklumkan kemudian** bagi semua sekolah rendah, menengah, maktab, pusat tingkatan enam dan sekolah-sekolah swasta di bawah kawalan Kementerian Pendidikan dan juga sekolah-sekolah di bawah kawalan Kementerian Hal Ehwat Ugama. Bagi sekolah-sekolah antarabangsa, pengajaran dan pembelajaran juga diadakan **SECARA DALAM TALIAN (*ONLINE*)** dan akan bermula pada tarikh yang akan ditetapkan oleh institusi masing-masing.

Bagi memastikan kesihatan dan keselamatan para pelajar dan warga sekolah adalah terjaga serta terhindar dari sebarang kemungkinan jangkitan, pelajar-pelajar dikehendaki untuk **TERUS BERADA DI RUMAH** dan mengikuti pembelajaran secara dalam talian melalui pelbagai landasan menurut kapasiti sekolah masing-masing. Kementerian Pendidikan juga mengambil maklum mengenai keadaan di mana terdapat pelajar-pelajar yang mempunyai akses terhadap internet dan peranti seperti komputer, komputer riba dan tablet. Dalam hal ini, pengajaran dan pembelajaran akan dikendalikan melalui platform media sosial atau mana-mana aplikasi telekomunikasi yang bersesuaian seperti permakluman dan pemberian bahan pembelajaran melalui telefon bimbit agar pelajar-pelajar dapat belajar secara fleksibel mengikut jangka masa yang diberikan.

Selain itu, sepertimana yang dilaksanakan pada tahun sebelumnya, Kementerian ini telah menyiarkan Rancangan TV Pendidikan sebagai sokongan tambahan pengajaran dan pembelajaran melalui siaran TV Radio Televisyen Brunei (RTB). Rancangan disiarkan setiap hari persekolahan dan jadual siaran rancangan tersebut ada dikongsikan melalui platform media sosial rasmi Kementerian Pendidikan.

Dalam masa yang sama, sekolah-sekolah akan terus mengaktifkan *Business Continuity Plan* (BCP) masing-masing bagi menjaga kesejahteraan guru-guru dan warga sekolah dengan mengarahkan **semua guru-guru dan warga sekolah untuk bertugas dari kediaman masing-masing (*Work From Home, WFH*)** sepertimana yang telah digariskan oleh Kementerian Kesihatan dan Jabatan Perdana Menteri, **bermula daripada Rabu, 18 Ogos 2021 sehingga ke satu tarikh yang akan dimaklumkan kemudian.** Pelaksanaan kaedah WFH ini bagi pihak sekolah adalah diselaraskan dengan kaedah *flexible working arrangements* untuk semua warga perkhidmatan awam seperti yang dinyatakan di dalam Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri bilangan 06/2020.

Berhubung dengan peperiksaan-peperiksaan yang akan dijadualkan berlangsung pada tahun ini:

1. **Peperiksaan Penilaian Sekolah Rendah (PSR)** yang dijadualkan bermula pada hari Khamis, 14 Oktober 2021 adalah **ditunda** ke hari Selasa, 16 November 2021 tertakluk kepada perkembangan situasi penularan jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam.
2. **Peperiksaan *Brunei Cambridge International General Certificate of Secondary Education (IGCSE)*, *Brunei Cambridge General Certificate of Education (BC GCE) 'O', 'AS' dan 'A' Level*** pula adalah masih di dalam penelitian dan perundingan bersama badan-badan peperiksaan yang berkenaan.
3. **Peperiksaan akhir tahun** juga akan sama ada ditunda atau dibatalkan tertakluk kepada perkembangan keadaan penularan jangkitan COVID-19.

Pihak Kementerian Pendidikan akan mengongsikan maklumat terkini mengenai peperiksaan-peperiksaan tersebut dari semasa ke semasa melalui saluran rasmi Kementerian Pendidikan.

Kementerian Pendidikan juga memaklumkan bahawa **Majlis Sambutan Hari Guru, Majlis Konvokesyen / Hafli Al-Takharruj dan Pesta Konvo / Mahrajan Hafli Al-Takharruj bagi Universiti Brunei Darussalam (UBD), Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) dan Universiti Teknologi Brunei (UTB) Tahun 2021** adalah ditangguhkan pelaksanaannya ke satu tarikh yang akan dimaklumkan kemudian.

Di kesempatan ini, Kementerian Pendidikan ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada guru-guru yang sentiasa komited, kreatif dan mengambil pelbagai inisiatif dalam memastikan penyampaian pengajaran dan pembelajaran kepada anak didik berjalan lancar walaupun dalam keadaan

yang mencabar. Kementerian Pendidikan juga ingin mengucapkan terima kasih kepada para ibu bapa dan penjaga sepanjang pengajaran dan pembelajaran dilaksanakan dalam talian kerana memahami situasi wabak COVID-19 dan memberi sokongan penuh serta menjalinkan kerjasama erat kepada sekolah-sekolah di bawah Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama bagi memastikan anak-anak mereka tidak ketinggalan dalam meneruskan pembelajaran dalam keadaan negara berhadapan dengan wabak COVID-19.

Untuk mendapatkan maklumat lanjut dan perkembangan terkini, pihak-pihak berkepentingan boleh menghubungi Pusat Gerakan COVID-19 Kementerian Pendidikan ditalian 2382396 pada waktu pejabat atau melayari laman web Kementerian Pendidikan di www.moe.gov.bn.

-TAMAT-

Dikeluarkan oleh:

Bahagian Komunikasi Korporat

Kementerian Pendidikan

Tel.: 238 1301

Fax: 238 0703

Email: feedback@moe.gov.bn

Website: www.moe.gov.bn

Twitter: MoEducation Brunei

Instagram: [moe_brunei](https://www.instagram.com/moe_brunei)

Facebook: Ministry of Education Brunei Darussalam